

01/08/2002

Dr Mahathir jamin tidak hapus subsidi petrol

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan terpaksa mengurangkan tanggungannya dalam menampung beban subsidi ke atas bahan bakar kerana hasil penjualan petroleum sekarang semakin berkurangan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, keadaan itu mungkin menyebabkan harga petroleum seperti minyak petrol dan diesel naik sedikit.

Bagaimanapun, Perdana Menteri memberi jaminan, kerajaan tidak akan menghapuskan sama sekali subsidi, sebaliknya akan membuat kajian setiap bulan bagi menilai keadaan.

"Kalau naik pun tak banyak. Yang jadi masalahnya kalau naik (harga minyak) satu peratus, orang (peniaga) nak naik harga barang lain sebanyak itu juga. Itu tak kena kerana input petroleum dalam apa juga perniagaan yang mereka lakukan adalah minimum, mungkin paling tinggi 10 peratus.

"Jadi kalau kenaikan satu peratus, kos petrol dalam perniagaannya adalah 10 peratus. Ini bermakna, dia perlu naikkan harga (barangan) cuma 0.1 peratus. Tapi dia nak cari alasan, nak naik lebih daripada itu," katanya selepas melancarkan program Utamakan Keluarga - Semakin Hari Semakin Sayang anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga di sini, hari ini.

Beliau ditanya mengenai kemungkinan harga bahan bakar naik berikutan langkah kerajaan memperkenalkan mekanisme baru bagi penetapan harga petrol, diesel dan gas cecair petroleum (LPG) yang dikenali sebagai Sistem Flexi akan dikemukakan kepada Kabinet tidak lama lagi.

Semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata pendekatan baru itu adalah sebagai langkah mengurangkan tanggungan kerajaan dalam menampung beban subsidi ke atas bahan bakar terbabit.

Kerajaan akan secara beransur-ansur menaikkan harga minyak, terutama apabila wujud peningkatan dalam harga minyak dunia.

Sehingga kini kerajaan terpaksa menanggung beban berjumlah RM6 bilion setahun dengan subsidi 13 sen seliter bagi pihak pengguna sebagai kos subsidi bahan bakar itu.

Dr Mahathir berkata, bukan menjadi niat kerajaan untuk menghapuskan sama sekali subsidi, tetapi masalah sekarang ialah penggunaan petroleum semakin meningkat berbanding dulu.

"Dulu kita guna 300,000 tong sehari dan kita keluar 650,000 tong sehari. Jadi kita jual 350,000 tong, kita dapat keuntungan daripada itu dan kita guna keuntungan itu untuk beri subsidi 300,000 tong.

"Sekarang kita guna 550,000 tong sehari dan kita cuma mempunyai 100,000 tong untuk jual dan daripada 100,000 tong kita jual, kita tak dapat duit banyak sedangkan kita kena beri subsidi jumlah minyak yang lebih banyak. Akhirnya, kos itu bukan datang dari petroleum, tetapi datang daripada sumber lain," katanya.

Ditanya bila agaknya harga minyak petrol dan diesel akan dinaikkan, beliau berkata:

"Tak tahulah. Kita ada kajian harga petroleum setiap bulan. Sekarang pun tiap-tiap bulan. Tapi kita tak naik harga, tapi mungkin kita terpaksa naik sikit."

Kini harga minyak ditetapkan berdasarkan harga minyak yang disenaraikan oleh pasaran Singapura.

Mengenai desakan Pemuda Umno supaya kerajaan bertegas melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, Dr Mahathir berkata

beliau tidak mahu mengulas perkara itu kerana kerajaan sedang menanganinya.

Semalam, Pemuda Umno mendesak kerajaan tidak mengecualikan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dalam pelaksanaan dasar itu tahun depan.

Sebelum ini, Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina (Jiao Zhong), Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zhong) dan Dewan Perhimpunan Cina Selangor (DPCS) bertekad tidak mahu pengajaran dua mata pelajaran itu dilaksanakan di semua SJKC.